

PARLIMEN - MAHATHIR 'R'R'R

1984

KUALA LUMPUR, 9 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI D R MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PENTADBIRAN NEGARA TIDAK AKAN TERGANGGU LAGI OLEH KERAGUAN TENTANG PENGGUNAAN SYARAT PERKENAN OLEH YANG-DI-PERTUAN AGONG UNTUK MEMOLAK KEPUTUSAN PARLIMEN DENGAN LULUSNYA RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN 1984.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA YAKIN BAHAWA PERISTIWA ISU PERLEMBAGAAN AKIBAT KERAGUAN ITU YANG BERLAKU BEBERAPA BULAN LEPAS TIDAK AKAN BERULANG.

BERUCAP MEMBENTANGKAN RANG WNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1994, BELIAU BERKATA PINDAAN ITU MEMBERI JALAN YANG TERANG UNTUK MENGATASI APA-APA KEBUNTUAN SEKIRANYA SERI PADUKA TIDAK BERSETUJU DENGAN APA-APA UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN.

INI TERTAELUK KEPADA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN DALAM PERLEMBAGAAN YANG MENENTUKAN KUASA MENGIKUT BUDI BICARA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN MAJLIS RAJA-RAJA, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MENGIKUT PERUNTUKAN ASAL PERKARA 66 (3) PERLEMBAGAAN, PARLIMEN TIDAK TERDAYA MENGAMBIL APA-APA LANGKAH YANG DIASASKAN KEPADA PERLEMBAGAAN BAGI MENGATASI KEENGGANAN YANG DI-PERTUAN AGONG MEMPERKENANKAN MANA-MANA UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN. -- LACE 1610/II

PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR ' ' ' ,

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PINDAAN BARU ITU JUGA MEMBOLEHKAN TEGURAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG TERHADAP SESUATU RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN.

+ INI BERMAKNA BAHAWA TEGURAN YANG DI-PERTUAN AGONG AKAN DIBAHAS DALAM PARLIMEN, SUATU PERKARA YANG TIDAK PERNAH DILAKUKAN OLEH PARLIMEN+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN WALAUPUN TIDAK ADA LARANGAN TERUS MENGENAI TEGURAN SECARA TERTENTU TERHADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA TETAPI MENGIKUT ADAT DAN TRADISI, MEREKA DAN ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN NEGERI TIDAK PERNAH MELIBATKAN YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA DALAM PERBAHASAN ATAUPUN UCAPAN-UCAPAN LAIN.

-- LAGI 1637/LK

ZCZC 0584:

PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA SUNGGUHPUN INI MERUPAKAN PEMISAHAN DARIPADA ADAT DAN TRADISI, TETAPI IA DIBENAR OLEH AKTA ASUTAN, DI BAWAH PERKARA 3 (2).

PERKARA ITU ANTARA LAIN MENYEBUT BAHAWA APA-APA PERBUATAN, UCAPAN - - Y IDAK DOLEH SIFATKAN SEBAGAI MENGHASUT SEMATA-MATA OLEH SEBAB IA MEMPUNYAI KECENDERUNGAN:

↳BAGI MENUNJUKKAN BAHAWA SESEORANG RAJA TELAH DIKELIRUKAN ATAU TERSILAP DALAM MANA-MANA LANGKAH TINDAKAN YANG DIAMBILNYA :

↳BAGI MENUNJUKKAN KESILAPAN-KESILAPAN ATAU KECACATAN DALAM MANA-MANA KERAJAAN RTA U PERLEMBAGAAN DENGAN TUJUAN MEMBETULKAN KESILAPAN-KESILAPAN ATAU KECACATAN-KECACATAN ITU:

BAGI MEMUJUK RAKYAT MANA-MANA RAJA ATAU PENDUDUK MANA-MANA WILAYAH SUPAYA C U B A Mendapatkan diubah, dengan cara yang sah, APA-APA PERKARA DALAM WILAYAH KERAJAAN ITU YANG TERTUBUH MENURUT UNDANG-UNDANG.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGAIMANAPUN AKTA ASUTAN MASIH BERKUAT-KUASA DAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN HENDAKLAH BERHATI-HATI APABILA MEMBUAT TEGURAN YANG MELIBATKAN RAJA-RAJA ATAU KERAJAAN.

--- LAGI 1639/LK

PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+OLEH KERANA RAJA-RAJA TIDAK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERBAHASAN MAKA KERAJAAN ADALAH BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENANGKIS SEMUA TEGURAN DAN JIKA PERLU AKAN MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH AKTA YANG BERKENAAN+, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU DEWAN SETENGAH-SETENGAH PAKAR PERLEMBAGAAN BERPENYOAPAT PINDAAN BARU INI MEMBERI KUASA BARU KEPADA YANG DI-PERTUAN-AGONG UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN SECARA LANGSUNG O A L A M PENGUBALAN UNDANG-UNDANG.

SEBALIKNYA, ADA PENDAPAT YANG MENYATAKAN BAHAWA SERI PADUKA MEMANG MEMPUNYAI KUASA TIDAK MEMPERKENANKAN MANA-MANA UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN.

BELIAU MENEGASKAN WALAU APA PUN PENDAPAT PAKAR-PAKAR, YANG JELASKINI IALAH PERUNTUKAN ASAL PERKARA 66(3) PARLIMEN TIDAK TERDAYA MENGAMBIL APA-APA LANGKAH BAGI MENGATASI KEENGGANAN SERI PAOUKA MEMPERKENANKAN RANG UNDANG-UNOANG YANG DILULUSKAN.

-- LAGI 1645 LK

PARLIMEN - MAHATHIR 5, KUALA LUMPUR

PERDANA MENYERI BERSYUKUR MASALAH PINDAAN PERLEMBAGAAN DAPAT DISELESAIKAN DENGAN CARA TOLAK-ANSUR OAN KEINGINAN KERAJAAN MENYELESAIKAN MASALAH ITU DAPAT DILIHAT DARIPADA TAWARAN YANG DIBUAT. +TETAPI PRINSIP BAHAWA KATA PEMUTUSIALAH HAK WAKIL-WAKIL YANG DIPILIH OLEH RAKYAT MASIH TERJAMIN WALAUPUN KERAJAAN RELA BERTOLAK-ANSUR; + KATAMYA.

YANG MENYEDIHKAN; KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH PENYELESAIAN ITU SEPATUTNYA TERCAPI TANPA DEHONSTRASI DAN KEKELIRUAN YANG SEDIKIT SEBANYAK MENERUHKAN PERHUBUNGAN RAJA DAN RAKYAT.

TEGASNYA TANGGUNGJAWAB TERHA OAP KEKERUHAN ITU MESTILAH DIPIKUL OLEH MEREKA Y A N G SENGAJA MENCETUSKAN MASALAH DI MANA SEPATUTNYA TIDAK ADA MASALAH.

+MEREKA INILAH Y A N G DIKATAKAN PETUALANG YANG INGIN MELIHAT KERAJAAN DAN NEGARA DISERANG DENGAN BERMACAM MALAPETAKA; KATANYA DALAM UCAPAN Y A N G MEMAKAN MASA KIRA-KIRA 30 MINIT.

-- LAGI 165/LK  
PARLIMEN MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BUKANLAH MENJADI NIAT KERAJAAN UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN DENGAN SEWENANG-WENANGNYA TETAPI OLEH KERANA PADA TAHUN 1983 MASUDAH GENAP UNTUK MEMLINDA KAWASAN PILIHANRAYA.

KATANYA MAKA PELUANG ITU DIAMBIL UNTUK MENYEMAK PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN YANG TIDAK TEPAT ATAU KEMAS ANTARANYA TERMASUK, PERKARA 64 (3).

PERUNTUKAN ASAL BOLEH DITAFSIRKAN B A H A W A PARLIMEN SEBENARNYA TX OAK BERKUASA DAN NEGARA INI DIPERINTAH OLEH RAJA YANG MEMPUNYAI KUASA MUTLAK DAN TIDAK TERTALUK KEPADA PERLEMBAGAAN; KATANYA.

TAMBAHNYA INI TELAH MENIMBULKAN PERISTIWA-PERISTIWA DI NEGERI-NEGERI Y A N G PADA SATU KETIKA MEMERINTAH DI LUAR DARI UNDANG-UNDANG.

PERISTIWA YANG BERLAKU BERIKUTAN PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN JULAI 1983 JELAS MENUNJUKKAN BAGAIMANA TIDAK KEMASNYA PERKARA 64 (3).

BUAT BEBERAPA BULAN USAHA KERAJAAN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG TERHALANG OAN TIMBUL SOALAN SAMA ADA BENAR ATAU TIDAK MALAYSIA HENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN.  
-- LAGI 1726/LK

ZCZC 8609;  
PARLIMEN - MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR.

ORANG-ORANG ASING PUN, KATANYA, TERUTAMA MAJALAM-MAJALAH TERTENTU, MENJAOI +ROYALIST+ DALAM SEKELIP MATA DAN MEMBERI GALAKAN KEPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU BUPAYA SATU KRISIS YANG BERPANJANGAN TERCETUS DI MALAYSIA.

DALAM NEGARA PULA PART 1 PEMBANGKANG DAN BEBERAPA ORANG SUDAH KEHLLANGAN TEMPAT TELAH MENGAMBIL PELUANG DENGAN HENGAOAKAN DEMONSTRASI, KONONNYA HEREKALAH YANG SEBENARNYA HENDUKUNG SISTEM BERAJA MUTLAK.

KATANYA OLEH KERANA PART 1 PEMBANGKANG DAN ORANG-ORANG BERKENAAN MEMULAKAN DEMONSTRASI MAKA PART.1 KERAJAAN JUGA TERPAKSA MENGADAKAN RAPAT UMUM UNTUK MENGHILANGKAH KEKELIRUAN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA PART 1 OAN JUGA ORANG RAMAI.

-- BERNAMA 1729/LK